

14 DEC 2000

Mahathir-Bush

PERDANA MENTERI YAKIN HUBUNGAN DUA HALA DENGAN AMERIKA SYARIKAT PULIH

ALOR SETAR, 14 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini yakin kemenangan calon parti Republikan George W. Bush pada pilihan raya presiden Amerika Syarikat akan memulihkan hubungan dua hala antara kedua-dua negara.

"Saya harap kemenangan Bush itu akan dapat memulihkan hubungan dua hala kedua-dua negara," katanya kepada pemberita setibanya di Lapangan Terbang Sultan Abdul Halim, Kepala Batas, di sini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas kemenangan Bush selepas calon parti Demokrat Al Gore mengambil keputusan untuk mengaku kalah pada pilihan raya presiden itu, yang sekali gus membolehkan Bush menjadi Presiden ke-43 Amerika Syarikat.

Gore bertindak demikian selepas Mahkamah Agung Amerika Syarikat mencapai keputusan 5-4 menentang pengiraan semula kertas undi di Florida.

Dr Mahathir berkata Bush tentunya tidak akan datang ke Malaysia untuk memberi ucapan menyuruh rakyat negara ini bangun "memberontak" melawan kerajaan sepertimana dilakukan Gore dua tahun lepas.

Gore telah menimbulkan kemarahan rakyat Malaysia apabila beliau memuji penyokong Datuk Seri Anwar Ibrahim yang mengadakan demonstrasi, sebagai "berani" semasa berucap pada majlis makan malam Majlis Penasihat Perniagaan Apec pada November, 1998.

"Saya gembira dengan kekalahan Al Gore," kata Perdana Menteri.

Sementara itu, di KUALA LUMPUR, Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata Malaysia berharap pentadbiran baru Amerika Syarikat itu dapat memberi tumpuan yang lebih bagi mencari perdamaian di Asia Barat.

Sambil menyebut kemenangan Bush merupakan suatu keputusan yang sudah dijangkakan, beliau berkata Malaysia percaya dapat menjalin hubungan baik dengan pentadbiran baru Bush.

"Kita percaya dapat menjalin perhubungan yang baik dengan pentadbiran baru Amerika Syarikat ini dan kita akan ikuti perkembangan seterusnya," katanya kepada pemberita di lobi Parlimen, hari ini.

Syed Hamid berkata harapan khusus Malaysia kepada pentadbiran Bush ialah supaya usaha mencari perdamaian di Asia Barat, konflik Arab-Israel dan masalah Palestin diberikan tumpuan.

"Ini penting sebab ia melibatkan kesejahteraan rakyat dan kepentingan rantau itu untuk mencapai perdamaian.

"Kita harap mereka gunakan pengaruh ke atas Israel untuk memulakan perundingan semula," katanya.

-- BERNAMA

MNY AHH NAK